



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PROGRAM PERUBATAN/BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN**

**MAJLIS OPTIK MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN**

**PERMOHONAN APEL (C) MAJLIS OPTIK MALAYSIA**

**TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN**

**1 OKTOBER 2020**

## 1.0 PENGENALAN:

Pengakreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu bagi tujuan penganugerahan kredit [APEL (C)] Majlis Optik Malaysia (MOC) adalah satu proses penilaian pembelajaran (tidak formal & bukan formal) Juruoptik Berdaftar berdasarkan pengalaman terkumpul (pengetahuan & kemahiran) untuk mendapatkan pindah kredit sebanyak 42 jam kredit bagi 16 kursus yang telah dikenalpasti dalam program Optometri.

Penilaian ini hanya terbuka kepada Juruoptik Berdaftar yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke program Optometri (*Accelerated*) di mana-mana institusi pendidikan tinggi (IPT) yang menawarkan program tersebut. Penekanan penilaian diberi kepada konsep utama APEL (C) iaitu menilai ke atas kebolehan Juruoptik Berdaftar untuk menggunakan pembelajaran (tidak formal & bukan formal) yang dicapai melalui pengalamannya mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus.

Penilaian APEL (C) MOC adalah salah satu pra-syarat yang perlu dilalui oleh Juruoptik Berdaftar serta beberapa syarat lain yang telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk kemasukan ke program Optometri (*Accelerated*).

# Pembelajaran tidak formal – pembelajaran yang diperolehi daripada pengalaman dalam pekerjaan sebagai Juruoptik Berdaftar

# Pembelajaran bukan formal – pembelajaran yang diperolehi di luar pendidikan formal seperti menghadiri kursus-kursus pendek, latihan, lawatan sambil belajar dan lain-lain.

## 2.0 OBJEKTIF:

1. Sebagai pra-syarat bagi kemasukan ke program Optometri (*Accelerated*) yang ditawarkan di IPT.
2. Mengiktiraf pembelajaran Juruoptik Berdaftar yang diperolehi daripada pengalaman kerja dan kursus-kursus pendek yang diikuti.
3. Dapat mengurangkan kos dan masa untuk menamatkan pengajian.

### 3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

Syarat-syarat permohonan adalah berbeza berdasarkan kategori pendaftaran sebagai Juruoptik sebagaimana berikut;

| No. | Student Entry following Current Academic Qualification              | Minimum Working Experience as Registered Optician | Bridging Course                         | APELA TEST   |
|-----|---|---|---|--|
| 1   | Diploma In Opticianry (MQF Level 4)                                 | 2 years *   | Must undergo Bridging Course (6 months) | -  |
| 2   | Diploma (MQF Level 4) or Bachelor Degree (MQF Level 6) in any field | 30 years **                                       | Must undergo Bridging Course (6 months) | -  |
| 3   | Fellow British Dispensing Optician Certificate (FBDO) (MQF Level 3) | 3 years *   | Must undergo Bridging Course (6 months) | Must pass APELA Test (Level 6) and above 21 years of age |
| 4   | Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) with 3 credits in science subject    | 30 years **                                       | Must undergo Bridging Course (6 months) | Must pass APELA Test (Level 6) and above 21 years of age |
| 5   | No Academic Qualification   | 30 years **                                       | Must Bridging Course (6 months)         | Must pass APELA Test (Level 6) and above 21 years of age |

\*Berpengalaman sebagai Juruoptik Berdaftar pada tahun 2021

\*\*Berpengalaman sebagai Juruoptik

### 4.0 FI PENILAIAN:

Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk penilaian APEL (C) MOC

### 5.0 PENILAIAN APEL (C):

Kaedah penilaian APEL(C) MOC adalah dengan menjalankan penilaian ke atas portfolio diri calon yang memohon.

#### 5.1 Portfolio Diri

Portfolio diri calon adalah merupakan dokumen rasmi yang mengandungi himpunan bukti yang mendokumenkan pengalaman pembelajaran terdahulu

calon yang diperoleh dalam tempoh masa tertentu mengikut keperluan bidang. Perkara yang perlu ada dalam portfolio calon antaranya adalah seperti berikut;

- a) Pembuktian pengetahuan tersurat:
  - Hasil kerja (contohnya senarai kes-kes klinikal yang dilihat, pengalaman kerja dan lain-lain)
  - Sijil latihan atau kursus yang telah diikuti
  - Anugerah dan pengiktirafan yang berkaitan
  
- b) Pembuktian pengetahuan pendam dalam bentuk perincian tentang pengalaman
  - Refleksi pengetahuan dan kompetensi yang diperolehi daripada pembelajaran dan pengalaman terdahulu

Borang portfolio calon yang perlu diisi adalah berdasarkan kategori pendaftaran juruoptik dengan MOC.

Juruoptik Berdaftar yang berminat untuk memohon penilaian APEL (C) boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung penilaian tersebut dengan menghubungi unit APEL (C) MOC melalui emel: [apelc.mom@gmail.com](mailto:apelc.mom@gmail.com)

## 6.0 PROSES & PROSEDUR PELAKSANAAN APEL (C):


Proses permohonan bagi penilaian APEL (C) MOC adalah seperti berikut;

| Bil. | Perkara   | Tindakan                | Tempoh Tindakan |
|------|---|-------------------------|-----------------|
| 1.   | <p>Mendapatkan maklumat lanjut berhubung program Optometri (<i>Accelerated</i>), penilaian APEL (C) MOC, penilaian APEL (A) dan program <i>bridging</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Proses dan prosedur serta dasar berkaitan APEL (C)</li> <li>■ Senarai kursus yang diberi pindahan kredit melalui penilaian APEL (C)</li> </ul> | Calon/<br>Unit APEL (C) | Bila-bila masa  |

|     |  |                                   |   |
|-----|--|-----------------------------------|---|
|     | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Jenis-jenis pengalaman terdahulu yang dibolehkan untuk permohonan APEL (C) (secara umum)</li> <li>■ Dokumen yang berkaitan untuk permohonan APEL (C)</li> </ul> |                                   |   |
| 2.  | Maklumat berhubung senarai calon yang lulus program <i>bridging</i>  | Unit APEL (C)/ IPT                | Dalam tempoh 14 hari selepas calon lulus program <i>bridging</i>  |
| 3.  | Memberi taklimat awal pengisian borang penilaian sendiri ( <i>self-assessment form</i> )   | Calon/<br>Unit APEL (C)           | Dalam tempoh 14 hari selepas mendapat senarai calon yang lulus program <i>bridging</i> daripada pihak IPT |
| 4.  | Mendapat maklumat dan nasihat untuk melengkapkan borang penilaian sendiri  | Calon/<br><i>Advisor</i> APEL (C) | Dalam tempoh pengisian borang penilaian sendiri (30 hari)   |
| 5.  | Penilaian borang penilaian sendiri oleh <i>Advisor</i> APEL (C)  | <i>Advisor</i> APEL (C)           | 14 – 30 hari  |
| 6.  | Pemakluman kepada calon yang layak untuk penilaian APEL (C) dan pengisian borang pendaftaran penilaian APEL (C)  | Unit APEL (C)                     | Dalam tempoh 7 hari dari tempoh terimaan kelulusan penilaian sendiri                                      |
| 7.  | Taklimat kedua bagi pengisian portfolio calon  | Calon/<br>Unit APEL (C)           | Dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan borang pendaftaran penilaian                                      |
| 8.  | Pengisian portfolio  | Calon                             | 30 hari   |
| 9.  | Audit portfolio  | Calon/<br>Unit APEL (C)           | Dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan portfolio calon   |
| 10. | Penilaian portfolio  | JK Penilaian APEL (C)             | 14-30 hari  |
| 11. | Pengesahan Ahli Mesyuarat MOC berhubung keputusan penilaian oleh JK  | Ahli MOC                          |   |

|     |  |               |  |
|-----|--|---------------|--|
|     | Penilaian APEL (C)   |               |  |
| 12. | Pemakluman keputusan penilaian APEL (C) dan pengeluaran sijil keputusan                    | Unit APEL (C) | Dalam tempoh 7 hari selepas mesyuarat MOC                |
| 13. | Permohonan ke IPT untuk pendaftaran ke program Optometri (Accelerated) [Bsc. Of Optometry] | Calon         | Bila-bila masa selepas mendapat sijil penilaian APEL (C) |

## PROSES PELAKSANAAN APEL (C)



## **7.0 BORANG-BORANG BERKAITAN:**

1. Borang Penilaian Kendiri APEL (C)
2. Borang Permohonan Penilaian APEL (C) MOC bagi Juruoptik Berdaftar di Bawah Seksyen 18(1)
3. Borang Permohonan Penilaian APEL (C) MOC bagi Juruoptik Berdaftar di Bawah Seksyen 18(2)(a)
4. Portfolio untuk Pengiktirafan Berasaskan Pembelajaran Terdahulu bagi Juruoptik Berdaftar di Bawah seksyen 18(1)
5. Portfolio untuk Pengiktirafan Berasaskan Pembelajaran Terdahulu bagi Juruoptik Berdaftar di Bawah seksyen 18(2)(a)